

10/07/2003

Bank Pertanian tangguh proses skim kredit

Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Bank Pertanian Malaysia Bhd menerima terlalu banyak permohonan bagi Skim Kredit Mikro yang dikendalikannya hingga terpaksa menangguhkan proses permohonan pinjaman itu selama sebulan, berkuat kuasa

1 Julai lalu.

Pengurus Besar Bank Pertanian, Datuk Mohd Rosli Abdul Aziz, berkata penangguhan itu dibuat bagi membolehkan pihaknya meneliti dan menyelesaikan permohonan tertunggak yang bernilai RM118 juta daripada 7,800 pemohon.

Bagaimanapun, beliau berkata, bank itu masih tetap menerima permohonan baru bagi pinjaman berkenaan, tetapi ia akan hanya diproses bulan depan.

Sebelum penangguhan itu, bank berkenaan menetapkan sasaran untuk meluluskan semua permohonan bagi Skim Kredit Mikro dalam tempoh lima hari

kerja.

Sejak skim itu dilancarkan pada 3 Jun 2003, Bank Pertanian sudah meluluskan pinjaman bernilai RM107 juta kepada 8,500 pemohon. Bagaimanapun, pembayaran dibuat secara berperingkat dan sehingga kini RM52

juta sudah diagihkan kepada 3,850 peminjam.

"Bank menerima terlalu banyak permohonan untuk skim itu sehingga kami terpaksa menangguhkan sementara pemprosesan untuk membuat penilaian terhadap kuantiti dan kualiti pemohon dan memastikan pinjaman tidak disalurkan kepada mereka yang tidak sepatutnya.

"Dalam proses kelulusan, kami mungkin terlepas pandang beberapa perkara

dan dengan itu kami tidak teragak-agak menarik balik mana-mana pinjaman yang sudah diluluskan tetapi didapati mengemukakan maklumat tidak tepat,"

katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Laman Web Bank Pertanian di

Menara Patriot di sini, semalam. Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Operasi, Zainul Kamar Mohd Zain dan Timbalan Pengurus Besar Pembangunan, Ng Tak Wa.

Mengikut Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mei lalu, kerajaan memperuntukkan RM1 bilion untuk Skim Kredit Mikro dengan had pinjaman maksimum RM20,000.

Bank Pertanian diperuntukkan RM500 juta untuk mengeluarkan pinjaman kepada peniaga kecil dalam sektor berkaitan pertanian. Bank Simpanan Nasional (BSN) pula diberi peruntukkan RM300 juta untuk pinjaman bukan pertanian manakala RM200 juta lagi diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) tetapi disalurkan menerusi Bank Pertanian.

Mohd Rosli berkata, sehingga kini Bank Pertanian sudah menerima permohonan pinjaman keseluruhan bernilai RM260 juta membabitkan 17,300 pemohon.

Sarawak mencatat permohonan tertinggi dengan pinjaman bernilai RM40 juta, yang mana RM17 juta sudah diluluskan membabitkan 1,550 peminjam.

Bank Pertanian mengenal pasti pelbagai faktor yang menyebabkannya menerima terlalu banyak permohonan, antaranya promosi besar-besaran terhadap skim itu sebaik saja dilancarkan, rangkaian 120 cawangan bank itu di seluruh negara, liputan pinjaman dalam sektor pertanian yang meluas dan kelayakan permohonan yang terbuka kepada bukan ahli persatuan.

"Berdasarkan maklum balas yang kami terima, Bank Pertanian juga akan mengkaji kemungkinan mewajibkan permohonan dibuat menerusi persatuan bagi memastikan pemohon benar-benar peniaga tulen," katanya sambil menambah kebanyakan peminjam menggunakan dana itu untuk modal kerja dan membesarkan perniagaan sedia ada.

Beliau berkata, sepanjang tempoh penangguhan juga Bank Pertanian akan memfokus keupayaannya terhadap mengutip semula pinjaman yang sudah dikeluarkan.

Setakat ini, katanya, Bank Pertanian sudah mengutip pembayaran semula sebanyak RM350,000 dan tiada lagi peminjam mungkir.

Mohd Rosli mengingatkan peminjam bahawa Skim Kredit Mikro bukanlah anugerah kerajaan dan dengan itu mereka perlu membayar balik pinjaman bagi membolehkan bank mengembangkan skim itu kepada peminjam lain pada masa depan.

Beliau juga menggesa peminjam merujuk terus pinjaman kepada bank dan tidak menggunakan khidmat orang tengah bagi mengelakkan permohonan mereka ditolak.

Setakat ini, 1,100 permohonan bernilai RM15.8 juta ditolak disebabkan ada yang mungkir pinjaman daripada agensi kerajaan lain termasuk AIM, Mara dan BSN. Sementara 100 permohonan dari Kelantan dan 800 dari Terengganu turut ditolak pada peringkat awal kerana diuruskan pihak ketiga.

"Berdasarkan status pinjaman sedia ada, pengeluaran pinjaman kami mungkin melepasi sasaran sebanyak RM100 juta menjelang 31 Ogos dan RM200 juta untuk seluruh tahun ini," katanya.